

30 kakitangan jadi Sukarelawan UPM Zon Borneo



UNTUK ALBUM... Profesor Dr. Shahrul Razid Sarbini dan pengurusan UPMKB merakamkan gambar bersama kakitangan UPMKB yang dilantik sebagai sukarelawan.

BINTULU: Sekitar 30 kakitangan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dilantik sebagai Sukarelawan UPM bagi Zon Borneo, baru-baru ini.

Majlis pelantikan itu disaksikan oleh Pengarah Kampus UPMKB Profesor Dr. Shahrul Razid Sarbini,

Ketua Pentadbiran UPMKB, Noor Hakim Akhmad, Bukryman Sabri dari Pejabat Naib Canselor UPM dan Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) UPM, Profesor Madya Dr. Mohd Rafee Baharudin serta kakitangan Pejabat Staf

Pendaftar UPM.

Menurut UPMKB dalam satu kenyataan, pelantikan tersebut adalah secara bersasar dalam fasa pertama untuk mengikuti kursus sukarelawan yang dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar.

"Khidmat komuniti adalah terma sinonim bagi staf dan pelajar UPM yang aktif melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan ini dilaksanakan bertujuan untuk menyemai semangat kesukarelawan dalam kalangan staf di universiti terbabit.

"Misi sukarelawan ini juga memberi impak yang positif kepada para sukarelawan. Mereka bukan sahaja dapat menimba ilmu yang berfaedah, malah misi ini telah menjadikan mereka lebih tabah, fleksibel dan bijaksana dalam menangani isu-isu berkaitan kemasyarakatan," katanya.

Tambah kenyataan itu, misi tersebut juga adalah contoh terbaik bagaimana universiti dan komuniti tempatan dapat bekerjasama untuk membantu golongan yang memerlukan.

"Semoga para staf yang dilantik dapat memperoleh manfaat daripada program kesukarelawan ini dan terus menyemai semangat kesukarelawan dalam kehidupan mereka serta berkhidmat bakti demi golongan yang memerlukan selaras dengan slogan UPM iaitu 'Berilmu, Berbakti' dan terus mansang," ujarnya.